

5

KAJIAN KES TERHADAP USAHAWAN BERJAYA MARA PERLIS

PENGENALAN

Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun sentiasa menyokong kepada keperluan pembangunan usahawan. Pelbagai usaha dan dasar yang telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan bilangan usahawan. Merujuk kepada latar belakang ekonomi penduduk di Malaysia pada hakikatnya, meskipun kaum Bumiputera khususnya kaum Melayu merupakan kelompok etnik majoriti namun penguasaan kaum tersebut dalam bidang ekonomi masih lagi rendah jika dibandingkan dengan kelompok etnik yang lain. Akibat ketidakseimbangan yang berlaku di antara komposisi etnik kaum dalam sektor perekonomian, maka kerajaan telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB)¹ melalui Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) untuk menyusun semula jurang yang berlaku dalam masyarakat.

¹ Rancangan-rancangan pembangunan di bawah Dasar Ekonomi Baru adalah disusun dan dijalankan menerusi strategi serampang dua mata, iaitu:

- A. Mengurang dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan memperbanyakkan peluang pekerjaan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum.
- B. Penyusunan semula masyarakat untuk mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi. Lihat <http://www.icu.gov.my/icu/pdf/artikel/DEB.pdf>. Capaian pada 2 September 2009.

Pada prinsipnya pelaksanaan dasar tersebut adalah satu program jangka panjang berkuatkuasa sehingga dua puluh tahun daripada tahun 1970-1990. Antara dasar yang diperkenalkan untuk menyusun semula masyarakat iaitu pewujudan sebuah komuniti perniagaan dan perindustrian yang bukan sahaja difokuskan kepada etnik Melayu tetapi juga merangkumi etnik Bumiputera yang lain. Objektif yang disasarkan iaitu pencapaian penguasaan etnik Melayu dan Bumiputera yang lain dalam sektor perekonomian dapat ditingkatkan sekurang-kurangnya tiga puluh peratus.²

Bagi memenuhi matlamat tersebut, pihak kerajaan telah melaksanakan strategi-strategi tertentu untuk memperkasakan dan menambah baik penguasaan ekonomi orang Melayu dan kaum Bumiputera yang lain. Antara dasar yang diperkenalkan seperti menubuhkan dan menambah baik agensi-agensi kerajaan seperti mewujudkan MARA, UDA, PERNAS dan sebagainya. Pihak kerajaan juga memperkenalkan skim usahawan dengan memberi latihan kepada golongan yang berpotensi sebagai usahawan untuk mendapat latihan dan kemahiran dalam dan luar negara.

Di samping itu, melalui bidang pendidikan silibus mata pelajaran perdagangan disusun semula dengan memberi penekanan kepada nilai-nilai keusahawanan yang diimplementasikan dalam sistem pelajaran pada Januari 1985.³ Sepanjang tempoh pelaksanaan dasar tersebut, meskipun pemilikan modal saham Bumiputera telah berjaya ditingkatkan namun keputusannya gagal mencapai matlamat yang telah disasarkan. Menyedari hakikat tersebut, kerajaan telah memperkenalkan satu dasar baru bagi menggantikan DEB dengan menggubal Dasar Pembangunan Nasional (DPB)⁴ melalui Rangka

² Shukor Omar. (2006). *Malay Business, Revivalism Through Entrepreneurship*, hlm. 40.

³ Nor Aishah Buang. (2002). *Asas Keusahawanan*, hlm. 100-101.

⁴ Umumnya, objektif DPN ialah untuk perpaduan Negara dan akan terus menjadi matlamat terakhir DPN kerana masyarakat yang bersatu padu adalah penting untuk memperkukuhkan lagi kestabilan sosial dan politik dan mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan. DPN menetapkan satu langkah ke arah membolehkan Malaysia mencapai taraf sebuah negara yang maju dalam semua segi, iaitu daripada segi keadilan sosial, nilai, etika dan moral, kestabilan politik, kualiti hidup, kecekapan pentadbiran kerajaan dan kecemerlangan ekonomi. Dari aspek keusahawanan pula, langkah-langkah akan diambil untuk melengkapkan Bumiputera dengan kemahiran-kemahiran yang sesuai bukan sahaja bagi mengurus dan menjalankan perniagaan dengan berkesan, tetapi juga bagi mengekalkan kekayaan mereka. Agensi-agensi amanah dan perbadanan awam perlu merancang dan menyelaras tindakan masing-masing dengan lebih berkesan dalam mewujudkan harta-harta baru dan membeli kepentingan tertentu bagi pihak Bumiputera. Peranan Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan diperkukuhkan dalam mengembleng tabung Bumiputera dan pembangunan keusahawanan. Lihat http://pmr.penerangan.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=241:dasar-pembangunan-nasional-dpn-&catid=88:dasar-dasar-negara. Capaian pada 2.9.09.